

U PB 09-03 00149 BE642

AAB

Mahathir - Iraq '''

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Malaysia hari ini merayu kepada Kerajaan Iraq supaya berhati-hati untuk mengelakkan ramai rakyatnya binas atau terbunuh dalam pemberontakan terhadap pemerintahan Presiden Saddam Hussein yang dilaporkan berlaku sekarang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau gelisah dengan tindakan rakyat Iraq yang bangun memberontak terhadap Presiden Sadd Hussein kerana khuatir tentera akan menggunakan kekerasan untuk mengekalk pemerintahan yang ada.

Rakyat Iraq perlu diberi peluang menyuarakan pendirian masing-masing terhadap kerajaan mereka, katanya kepada pemberita selepas mempengerusika mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Kata Perdana Menteri, sebagai sebuah negara demokrasi, Malaysia percaya bahawa sesebuah kerajaan mestilah mendapat sokongan rakyat.

Sambil menyatakan Malaysia tidak berhasrat mencampuri urusan dalam negeri sesebuah negara lain, beliau berkata, sekiranya rakyat sudah tidak setuju, maka kerajaan hendaklah patuh kepada kehendak rakyat. -- Bernama

♥09/03/16-27MST